

**EKOSISTEM AMALAN TERBAIK PEMBANGUNAN
ATRIBUT KEUSAHAWANAN PELAJAR DI KOLEJ
VOKASIONAL KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA**

HASMIRA BINTI ALIAS

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2022

**EKOSISTEM AMALAN TERBAIK PEMBANGUNAN
ATRIBUT KEUSAHAWANAN PELAJAR DI KOLEJ
VOKASIONAL KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA**

oleh

HASMIRA BINTI ALIAS

**Tesis ini diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Mac 2022

PENGHARGAAN

...kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya...

Bismillahirrahmanirahim

Bersyukur ke hadrat Allah, Yang Maha Kuasa kerana dengan limpah dan izin-Nya, telah memberi petunjuk, ilham serta kekuatan kepada saya untuk menyempurnakan penulisan tesis sarjana saya ini dengan jayanya. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga buat penyelia, yang turut menjadi mentor dan sahabat baik, iaitu Prof. Madya Dr. Aziah binti Ismail, tidak pernah lokek dan sentiasa memberi bimbingan dan tunjuk ajar untuk menghasilkan penulisan terbaik. Semoga segala jasa baik beliau terhadap saya, akan diberi ganjaran pahala kebaikan, serta dikurniakan rahmat Allah. Ucapan terima kasih juga saya kalungkan buat ibu bapa saya, Haji Alias bin Osman dan Hajah Hasnah binti Ahmad. Tanpa doa mereka, saya tidak akan berjaya menyiapkan penulisan tesis ini. Juga buat suami yang tersayang, Noor Faizal bin Othman, serta anak-anak Muhammad Irfan Danial, Nur Afifah Maisarah, Nur Afrina Qaisara dan Muhammad Irfan Naufal yang amat memahami kesibukan saya menyiapkan penulisan kajian ini. Juga, tidak lupa, buat adik beradik saya Hasfirizal, Hasliza, Hasrol, Hasniza dan Muhammad Firdaus dan keluarga, yang sentiasa mendukung dan memberi semangat untuk saya siapkan tesis ini. Terima kasih semua, anda sangat berharga dan bererti dalam kejayaan ini! Namun, perkara utama yang dipelajari sepanjang tesis ini disiapkan, adalah dengan memahami dua peribahasa yang penting, iaitu “*Yang bulat takkan datang bergolek, yang pipih takkan datang melayang*” kerana “*Kalau tidak pecahkan ruyung, manakan dapat sagunya*”.

SENARAI KANDUNGAN

| | |
|---|-------------|
| PENGHARGAAN | ii |
| SENARAI KANDUNGAN | iii |
| SENARAI JADUAL | ix |
| SENARAI RAJAH | xi |
| SENARAI CARTA | xii |
| SENARAI SINGKATAN | xiii |
| SENARAI LAMPIRAN | xiv |
| ABSTRAK | xv |
| ABSTRACT | xvii |
| BAB 1 PENGENALAN | 1 |
| 1.1 Pengenalan..... | 1 |
| 1.2 Latar Belakang Kajian | 2 |
| 1.3 Pernyataan Masalah..... | 12 |
| 1.4 Objektif Kajian | 18 |
| 1.5 Persoalan Kajian | 18 |
| 1.6 Kepentingan kajian | 19 |
| 1.7 Batasan kajian..... | 20 |
| 1.8 Definisi Operasional | 22 |
| 1.9 Kesimpulan..... | 23 |
| BAB 2 KAJIAN LITERATUR | 25 |
| 2.1 Pengenalan..... | 25 |
| 2.2 Usahawan dan Pembangunan Atribut Keusahawanan | 25 |
| 2.2.1 Konsep Tingkah Laku dan Sikap Keusahawanan | 30 |
| 2.2.2 Konsep Pemikiran Keusahawanan | 32 |
| 2.2.3 Konsep Keinginan/Niat Keusahawanan | 34 |

| | | |
|--------------|--|-----------|
| 2.3 | Model Ekosistem Keusahawanan | 37 |
| 2.4 | Pendidikan Keusahawanan di Institusi Pendidikan Tinggi dan Pendidikan dan Latihan Vokasional | 49 |
| 2.5 | Ekosistem Keusahawanan di Institusi Pendidikan Tinggi..... | 54 |
| 2.6 | Kajian-kajian Terdahulu Berkaitan Ekosistem Keusahawanan..... | 56 |
| 2.7 | Pembentukan Kerangka Konseptual Kajian | 67 |
| | 2.7.1 Model Logik | 67 |
| | 2.7.2 Model Ekosistem Keusahawanan..... | 72 |
| | 2.7.3 Teori Perancangan Bersepadu | 73 |
| | 2.7.4 Kerangka Konseptual Kajian yang dibentuk..... | 74 |
| 2.8 | Kesimpulan..... | 77 |
| BAB 3 | METODOLOGI..... | 78 |
| 3.1 | Pengenalan..... | 78 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian..... | 78 |
| 3.3 | Unit Analisis Kajian | 82 |
| 3.4 | Kriteria Pemilihan Kolej Vokasional yang Dikaji..... | 82 |
| 3.5 | Informan Kajian dan Kriteria Pemilihan | 84 |
| 3.6 | Ketepuan Data | 87 |
| 3.7 | Kaedah Pengumpulan Data | 87 |
| | 3.7.1 Temu Bual Separa Berstruktur | 87 |
| | 3.7.2 Kumpulan Berfokus..... | 91 |
| | 3.7.3 Kaedah Pemerhatian | 99 |
| | 3.7.4 Kaedah Analisis Dokumen | 104 |
| | 3.7.5 Nota Lapangan..... | 105 |
| | 3.7.6 Rumusan Kaedah Pengumpulan Data dan Instrumen Kajian | 105 |
| 3.8 | Penyelidik Sebagai Instrumen Kajian..... | 106 |
| 3.9 | Prosedur Pengumpulan Data | 107 |

| | | |
|--------------|---|------------|
| 3.10 | Etika Menjalankan Kajian | 108 |
| 3.11 | Kaedah Analisis Data dan Interpretasi | 108 |
| | 3.11.1 Mengurus Data | 109 |
| | 3.11.2 Membuat Indeks | 109 |
| | 3.11.3 Menulis Transkrip Temu Bual..... | 110 |
| | 3.11.4 Memahami Data | 110 |
| | 3.11.5 Menganalisis Transkrip Temu Bual | 111 |
| | 3.11.6 Mengekod..... | 112 |
| | 3.11.7 Membentuk Tema..... | 113 |
| 3.12 | Kesahan dan Kebolehpercayaan Data | 114 |
| | 3.12.1 Pengesahan Pakar dan Pencapaian Penilaian Pakar melalui Cohen Kappa | 114 |
| | 3.12.2 Triangulasi..... | 116 |
| | 3.12.3 Kajian Rintis dan Kajian Sebenar..... | 117 |
| 3.13 | Kesimpulan..... | 120 |
| BAB 4 | ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN | 121 |
| 4.1 | Pengenalan..... | 121 |
| 4.2 | Profil Informan | 122 |
| | 4.2.1 Pentadbir dan Pensyarah..... | 122 |
| | 4.2.2 Profil Pelajar | 124 |
| 4.3 | Kes-kes Kajian..... | 126 |
| | 4.3.1 Kes 1: Ekosistem Keusahawanan KV1 (Koperasi Kolej Vokasional Terbaik) | 126 |
| | 4.3.1(a) Profil Kes 1: Latar Belakang KV1 | 126 |
| | 4.3.1(b) Atribut Keusahawanan yang Ingin Dibangunkan dalam Diri Pelajar di KV1 (Soalan Kajian 1) | 128 |
| | 4.3.1(c) Atribut Keusahawanan yang Dibangunkan dalam Diri Pelajar KV1 (Soalan Kajian 2) | 137 |
| | 4.3.1(d) Strategi Pelaksanaan KV1 (Soalan Kajian 3) | 146 |

| | | |
|----------|--|-----|
| 4.3.1(e) | Faktor yang Menyokong Kejayaan Pelaksanaan Strategi KV1 (Soalan Kajian 4) | 157 |
| 4.3.1(f) | Cabaran yang Dihadapi oleh KV1 untuk Melaksanakan Strategi (Soalan Kajian 5)..... | 162 |
| 4.3.1(g) | Rumusan Ekosistem Keusahawanan di KV1 | 167 |
| 4.3.2 | Kes 2: Ekosistem Keusahawanan di KV2 (Pusat Kecemerlangan Keusahawanan) | 168 |
| 4.3.2(a) | Profil Kes 2: Latar belakang KV2 | 168 |
| 4.3.2(b) | Atribut Keusahawanan yang Dihasratkan untuk Dibangunkan dalam Diri Pelajar di KV2 (Soalan Kajian 1)..... | 170 |
| 4.3.2(c) | Atribut Keusahawanan yang Dibangunkan dalam Diri Pelajar di KV2 (Soalan Kajian 2) | 182 |
| 4.3.2(d) | Strategi Pelaksanaan KV2 (Soalan Kajian 3) | 199 |
| 4.3.2(e) | Faktor yang Menyokong Kejayaan Pelaksanaan Strategi KV2 (Soalan Kajian 4) | 227 |
| 4.3.2(f) | Cabaran yang Dihadapi oleh KV2 untuk Melaksanakan Strategi (Soalan Kajian 5)..... | 232 |
| 4.3.2(g) | Rumusan Ekosistem Keusahawanan di KV2..... | 235 |
| 4.3.3 | Kes 3: Ekosistem Keusahawanan di KV3 (Model <i>School Enterprise</i>)..... | 237 |
| 4.3.3(a) | Profil Kes 3: Latar Belakang KV1 | 237 |
| 4.3.3(b) | Atribut Keusahawanan yang Dihasratkan untuk Dibangunkan Dalam Diri Pelajar di KV3 (Soalan Kajian 1)..... | 238 |
| 4.3.3(c) | Atribut keusahawanan yang dibangunkan dalam diri pelajar di KV3 (Soalan Kajian 2) | 244 |
| 4.3.3(d) | Strategi Pelaksanaan di KV3 (Soalan Kajian 3) | 252 |
| 4.3.3(e) | Faktor yang Menyokong Kejayaan Pelaksanaan Strategi (Soalan Kajian 4)..... | 263 |
| 4.3.3(f) | Cabaran yang Dihadapi oleh KV3 untuk Melaksanakan Strategi (Soalan Kajian 5)..... | 265 |
| 4.3.3(g) | Rumusan Ekosistem Keusahawanan di KV3..... | 270 |

| | | |
|---|---|------------|
| 4.4 | Rumusan, persamaan dan perbezaan dapatan kajian di KV1, KV2 dan KV3..... | 271 |
| 4.4.1 | Atribut Keusahawanan yang Dihasratkan untuk Dibangunkan dalam Diri Pelajar di Kolej Vokasional yang Dikaji (Soalan Kajian 1)..... | 271 |
| 4.4.2 | Atribut Keusahawanan yang Berjaya Dibangunkan dalam Diri Pelajar di Kolej Vokasional yang Dikaji (Soalan Kajian 2)..... | 273 |
| 4.4.3 | Strategi Pelaksanaan di Kolej Vokasional yang Dikaji..... | 275 |
| 4.4.4 | Faktor yang Menyokong Kejayaan Pelaksanaan Strategi di Kolej Vokasional yang Dikaji (Soalan Kajian 4)..... | 280 |
| 4.4.5 | Cabaran yang Dihadapi oleh Kolej Vokasional yang Dikaji untuk Melaksanakan Strategi (Soalan Kajian 5)..... | 282 |
| 4.5 | Kesimpulan..... | 285 |
| BAB 5 RINGKASAN, PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN | | 286 |
| 5.1 | Pengenalan..... | 286 |
| 5.2 | Ringkasan Kajian..... | 286 |
| 5.3 | Perbincangan | 289 |
| 5.3.1 | Atribut Keusahawanan yang Dihasratkan untuk Dibangunkan dalam Diri Pelajar di Kolej Vokasional yang Dikaji (Soalan Kajian 1)..... | 289 |
| 5.3.2 | Atribut Keusahawanan yang Dihasilkan dalam Diri Pelajar di Kolej Vokasional yang Dikaji (Soalan Kajian 2)..... | 292 |
| 5.3.3 | Strategi Pelaksanaan Kolej Vokasional yang Dikaji untuk Membangunkan Atribut Keusahawanan Pelajar (Soalan Kajian 3)..... | 299 |
| 5.3.4 | Faktor yang Menyokong kepada Kejayaan Pelaksanaan Strategi Keusahawanan di Kolej Vokasional (Soalan Kajian 4)..... | 308 |
| 5.3.5 | Cabaran yang Dihadapi oleh Kolej Vokasional yang Dikaji untuk Melaksanakan Strategi (Soalan Kajian 5)..... | 317 |
| 5.4 | Penemuan Utama Kajian: Kerangka Ekosistem Keusahawanan Kondusif di Kolej Vokasional KPM | 319 |
| 5.5 | Implikasi kajian | 334 |

| | | |
|-------|--|------------|
| 5.5.1 | Implikasi kepada Pelaksanaan Transformasi Pendidikan Vokasional..... | 334 |
| 5.5.2 | Implikasi kepada Perluasan Model Ekosistem Keusahawanan..... | 337 |
| 5.6 | Limitasi Kajian dan Cadangan Kajian Lanjutan..... | 338 |
| 5.7 | Kesimpulan..... | 340 |
| | RUJUKAN | 342 |
| | LAMPIRAN | |

SENARAI JADUAL

| | Halaman |
|-------------|--|
| Jadual 2.1 | Jadual Dimensi Keusahawanan (Rauch, 2012)..... 31 |
| Jadual 3.1 | Kriteria Pemilihan Informan 85 |
| Jadual 3.2 | Tarikh Temu Bual Set Informan Pentadbir..... 90 |
| Jadual 3.3 | Sesi Kumpulan Berfokus Bagi Set Informan Pensyarah dan Pelajar 93 |
| Jadual 3.4 | Ringkasan Protokol Temu Bual Pentadbir, Protokol Temu Bual Pensyarah dan Protokol Temu Bual Pelajar 95 |
| Jadual 3.5 | Rumusan Kaedah Pengumpulan Data dan Instrumen Kajian..... 105 |
| Jadual 3.6 | Senarai Pakar 115 |
| Jadual 3.7 | Indikator Tahap Persetujuan Cohen Kappa 116 |
| Jadual 4.1 | Profil Informan Pentadbir dan Pensyarah yang Terlibat dalam Kajian 123 |
| Jadual 4.2 | Profil Pelajar 125 |
| Jadual 4.3 | Produk yang dihasilkan oleh pelajar KV1 kursus Bakeri dan Pastrri 141 |
| Jadual 4.4 | Produk yang dihasilkan oleh pelajar KV2 192 |
| Jadual 4.5 | Produk yang Dihasilkan oleh Pelajar KV3 250 |
| Jadual 4.6 | Atribut Keusahawanan yang Dihasratkan untuk Dibangunkan di KV1, KV2 dan KV3 272 |
| Jadual 4.7 | Atribut keusahawanan yang berjaya dibangunkan dalam diri pelajar di KV1, KV2 dan KV3 274 |
| Jadual 4.8 | Hasil Pembelajaran Program Diploma Teknologi Elektronik..... 276 |
| Jadual 4.9 | Strategi pelaksanaan KV1, KV2 dan KV3 membangunkan atribut keusahawanan pelajar 279 |
| Jadual 4.10 | Faktor-Faktor Yang Menyokong Kejayaan Pelaksanaan Strategi di KV1, KV2 dan KV3 282 |

| | | |
|-------------|---|-----|
| Jadual 4.11 | Cabaran yang Dihadapi oleh KV1, KV2 dan KV3 dalam Melaksanakan Aktiviti Membangunkan Atribut Keusahawanan Pelajar | 284 |
| Jadual 5.1 | Cadangan Kerangka Ekosistem Keusahawanan Kondusif di Kolej Vokasional KPM..... | 333 |

SENARAI RAJAH

| | Halaman |
|-----------|--|
| Rajah 2.1 | Komponen Utama Minda Keusahawanan Berdasarkan Blessing et al. (2008) 33 |
| Rajah 2.2 | Model Ekosistem Keusahawanan (Isenberg, 2014)..... 44 |
| Rajah 2.3 | Proses Evaluation Thinking, Frechtling (2007) 70 |
| Rajah 2.4 | Elemen-elemen Model Logik, McLaughlin & Jordan (2009)..... 71 |
| Rajah 2.5 | Kerangka konsep kajian yang diubah suai daripada Model Logik (Frechtling, 2007) 75 |

SENARAI CARTA

| | Halaman |
|---|----------------|
| Carta 3.1 Reka Bentuk Kajian | 81 |

SENARAI SINGKATAN

| | |
|--------|--|
| ASEE | Persatuan Tahunan Persatuan Kejuruteraan Tahunan |
| BPLTV | Bahagian Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional |
| BPPDP | Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan |
| DVM | Diploma Vokasional Malaysia |
| GUESS | <i>Global University Entrepreneurial Spirit Students' Survey</i> |
| INSKEN | Institut Keusahawanan Negara |
| KEEN | Rangkaian Kejuruteraan Keusahawanan Kern |
| KV | Kolej Vokasional |
| PERISA | Pertandingan Inovasi Kebangsaan |
| SDG | <i>Sustainable Development Goals</i> |
| SVM | Sijil Vokasional Malaysia |
| TERAJU | Unit Peneraju Agenda Bumiputera |

SENARAI LAMPIRAN

- | | |
|------------|---|
| Lampiran 1 | Protokol Temu Bual Pentadbir |
| Lampiran 2 | Protokol Temu Bual Pensyarah |
| Lampiran 3 | Protokol Temu Bual Pelajar |
| Lampiran 4 | Permohonan Menjalankan Kajian |
| Lampiran 5 | Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Kepada Kolej Vokasional Kajian |
| Lampiran 6 | Surat Kebenaran Jawatankuasa Penyelidikan Etika Manusia |

**EKOSISTEM AMALAN TERBAIK PEMBANGUNAN ATRIBUT
KEUSAHAWANAN PELAJAR DI KOLEJ VOKASIONAL KEMENTERIAN
PENDIDIKAN MALAYSIA**

ABSTRAK

Kajian ini memberi tumpuan kepada ekosistem amalan terbaik pembangunan atribut keusahawanan pelajar di tiga buah kolej vokasional KPM. Bagi mengenal pasti elemen ekosistem amalan terbaik pembangunan atribut keusahawanan pelajar di kolej vokasional yang dikaji, siasatan telah dijalankan kepada tiga elemen utama, iaitu strategi pelaksanaan, faktor yang menyokong kejayaan pelaksanaan strategi dan cabaran yang dihadapi oleh kolej vokasional yang dikaji. Reka bentuk kaedah kualitatif kajian kes pelbagai digunakan dalam kajian ini. Kaedah temu bual separa berstruktur dan kumpulan berfokus digunakan sebagai kaedah pengumpulan data utama manakala kaedah pemerhatian, analisis dokumen dan nota lapangan turut digunakan untuk membuat triangulasi data. Data dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis tematik yang menggunakan perisian Atlas Ti 8.0. Enam elemen ekosistem amalan terbaik wujud di ketiga-tiga kolej vokasional yang dikaji, iaitu dasar, modal insan, pasaran, kewangan, pembudayaan keusahawanan dan hubungan industri. Selain itu, dua elemen ekosistem amalan terbaik yang baharu ditemui dalam kajian ini, iaitu peranan koperasi kolej dan Unit Bimbingan Kaunseling dan Kerjaya di ketiga-tiga kolej vokasional yang dikaji. Ekosistem amalan terbaik yang wujud di ketiga-tiga kolej vokasional yang dikaji berupaya membangunkan atribut keusahawanan pelajar dari segi sikap, tingkah laku dan pemikiran keusahawanan yang seterusnya membentuk niat pelajar untuk terlibat dalam keusahawanan. Kerangka ekosistem amalan terbaik pembangunan atribut keusahawanan pelajar yang terhasil daripada

kajian ini boleh digunakan oleh pembuat dasar untuk merancang penghasilan lebih ramai usahawan muda secara sistematik melalui pendidikan dan latihan vokasional di Malaysia.

**BEST PRACTICES IN STUDENT ENTREPRENEURSHIP ATTRIBUTE
DEVELOPMENT ECOSYSTEM AT VOCATIONAL COLLEGE MINISTRY
OF EDUCATION MALAYSIA**

ABSTRACT

This study focuses on the ecosystem of best practices in developing student entrepreneurship attributes at three MOE vocational colleges. To identify elements of the ecosystem of student entrepreneurship attribute development ecosystem in the vocational college studied, investigations were conducted into three main elements, namely implementation strategy, factors that underpin the successful implementation of strategies and challenges faced by the vocational colleges studied. The design of the qualitative method of multiple case studies is used in this study. Semi-structured and focused group interview methods are used as primary data collection methods while observation methods, document analysis and field notes are also used to triangulate data. The data is analyzed using thematic analysis methods using the Atlas Ti 8.0 software. Six elements of the best practice ecosystem exist in all three vocational colleges studied, namely policy, human capital, markets, finance, entrepreneurship culture and industrial relations. In addition, two new elements of the best practice ecosystem were found in the study, namely the role of college co-operatives and the Counselling and Career Guidance Unit at all three vocational colleges studied. The ecosystem of best practices that exist in the three vocational colleges studied is capable of developing student entrepreneurial attributes in terms of attitudes, behaviors and entrepreneurial thinking which in turn shapes students' intention to engage in entrepreneurship. The ecosystem framework of student entrepreneurship attribute development best practices resulting from this study can be used by policy makers to

systematically plan the production of more young entrepreneurs through vocational education and training in Malaysia.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Aktiviti keusahawanan yang dinamik memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara (Gartner, 1990). Melalui aktiviti keusahawanan yang dinamik, lebih banyak penciptaan inovasi dapat dihasilkan bagi menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada generasi muda (Parisa et al., 2018). Namun, kepesatan teknologi digital telah mencetuskan Revolusi Industri 4.0 (Formica, 2020) menyebabkan corak permintaan terhadap pekerjaan dalam industri telah berubah (UNESCO, 2016). Dalam hal ini, keusahawanan telah dijadikan sebagai alternatif oleh pembuat dasar untuk menghadapi tekanan ekonomi global akibat revolusi tersebut (Vedung, 2017). Oleh itu, pembangunan atribut keusahawanan pelajar di institusi pendidikan telah dilihat menjadi salah satu jalan penyelesaian bagi menangani isu perubahan corak permintaan pekerjaan dalam industri pada masa hadapan (Hitt et al., 2020).

Institusi pendidikan bukan sahaja berperanan sebagai sebuah institusi yang mengembangkan ilmu pengetahuan, malah seharusnya berupaya menghasilkan lebih banyak inovasi dan penciptaan, serta menghasilkan lebih ramai usahawan yang berwibawa dan berjaya (Belitski et al., 2017). Dalam hal ini, pembangunan atribut keusahawanan pelajar di institusi pendidikan merupakan antara usaha yang dijalankan untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan pendidikan dan latihan vokasional berdasarkan keperluan industri sekali gus menghasilkan golongan pekerja yang mahir dan kreatif (Audretsch et al., 2019; Matlay, 2008). Oleh demikian, kebanyakan negara membangun mula mengalihkan tumpuan kepada pembangunan atribut keusahawanan pelajar bermula pada peringkat pendidikan menengah termasuklah pendidikan

vokasional dan pendidikan tinggi. Pembangunan atribut keusahawanan pelajar di institusi pendidikan dan latihan vokasional menggalakkan penyertaan pelajar lebih ramai dalam bidang keusahawanan setelah tamat latihan (Yaribeig et al., 2014).

Walau bagaimanapun, keadaan ekonomi global yang dinamik telah memberikan cabaran besar kepada negara membangun untuk mengintegrasikan elemen keusahawanan dalam sistem pendidikan (Koe et al., 2015). Menurut Koe et al. (2015), pembangunan pendidikan keusahawanan di institusi pendidikan memerlukan sumber kewangan yang besar untuk dilaksanakan kerana melibatkan pembangunan infrastruktur dan prasarana keusahawanan. Sekiranya pengintegrasian elemen keusahawanan dalam pendidikan dapat dilaksanakan, institusi pendidikan dan latihan vokasional menjadi lebih signifikan sebagai institusi yang memacu pertumbuhan ekonomi negara (Morris et al., 2016).

1.2 Latar Belakang Kajian

Elemen keusahawanan diperkenalkan dalam sistem pendidikan kebangsaan bagi meningkatkan penyertaan masyarakat dalam aktiviti keusahawanan dalam negara (Zulnaidi & Mohd Kamil, 2018). Namun, tumpuan pembangunan atribut keusahawanan pelajar diberi kepada institusi pendidikan tinggi khususnya universiti bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan universiti (Rosni et al., 2015). Hal ini turut disebabkan oleh pendidikan pada peringkat ini menjadi “*feeder*” kepada pasaran pekerjaan (Izzuan et al., 2017). Menurut Marques et al. (2012), dan Matlay (2006), pembangunan atribut keusahawanan pelajar di institusi pendidikan peringkat menengah yang merangkumi pendidikan dan latihan vokasional turut perlu disediakan. Selain itu, Mueller et al. (2013), turut mencadangkan supaya latihan pembangunan keusahawanan pelajar dilaksanakan meliputi semua peringkat pendidikan bermula

daripada peringkat pendidikan sekolah rendah hingga ke peringkat pendidikan tinggi. Hal ini kerana sarjana keusahawanan pada masa ini mempercayai keusahawanan boleh dipelajari dan dilatih (Bae et al., 2014). Selain itu, keusahawanan juga adalah satu aspek kemahiran insaniah yang perlu ada dalam diri individu pelajar termasuklah pelajar yang mempunyai kemahiran vokasional kerana kemahiran yang dimiliki adalah aset '*intangible*' yang boleh memenuhi keperluan masyarakat dan bersifat boleh didagangkan (Zairon et al., 2016).

Dalam konteks pendidikan dan latihan vokasional di kolej vokasional, pembangunan atribut keusahawanan pelajar dilaksanakan untuk memperkasa laluan pendidikan vokasional dalam pelaksanaan dasar Transformasi Pendidikan Vokasional bermula pada tahun 2012 (Bahagian Pendidikan Teknik & Vokasional, 2012). Dalam pelaksanaan Transformasi Pendidikan Vokasional, sekolah menengah vokasional telah dinaik taraf kepada kolej vokasional (Mohd Zulfadly et al., 2011). Sekolah menengah vokasional telah dijenamakan semula kepada kolej vokasional adalah untuk membolehkan institusi pendidikan berkenaan menawarkan program diploma, iaitu Diploma Vokasional Malaysia (Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2017). Menurut Bahagian tersebut, sebelum Transformasi Pendidikan Vokasional dilaksanakan, sekolah menengah vokasional hanya menawarkan program peringkat sijil, iaitu Sijil Vokasional Malaysia. Selain itu, Transformasi Pendidikan Vokasional dilaksanakan untuk meningkatkan pandangan masyarakat terhadap graduan pendidikan vokasional (Sufean, 2014). Oleh demikian, transformasi ke atas struktur dan kurikulum pendidikan tersebut telah dilakukan (Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2017). Selain itu, penerapan elemen keusahawanan turut dirancang dan dilaksanakan dalam kurikulum pendidikan vokasional bagi

menyediakan lebih banyak laluan kerjaya kepada graduan pendidikan vokasional di kolej vokasional (Unit Perancang Ekonomi, 2015).

Bagi memantapkan pelaksanaan dasar Transformasi Pendidikan Vokasional, perancangan pembangunan modal insan dalam kemahiran vokasional dan keusahawanan telah diwartakan sebagai dasar dalam dokumen Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015), Rancangan Malaysia Kesebelas (2016-2020) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Oleh demikian, peranan kolej vokasional yang berfungsi sebagai salah satu institusi yang melatih kemahiran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1996) bagi pelajar berusia 16+ turut melatih pelajar untuk bekerja sendiri atau menjadi usahawan. Dalam hal ini, pelan tindakan pelaksanaan Transformasi Pendidikan Vokasional di kolej vokasional menyasarkan tiga laluan kerjaya kepada pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian Diploma Vokasional Malaysia di kolej vokasional, iaitu 10 peratus laluan usahawan, 20 peratus laluan melanjutkan pelajaran dan 70 peratus laluan pekerjaan. Penetapan ini dilakukan sebagai jangkaan kepada laluan-laluan yang bakal diikuti oleh graduan kolej vokasional setelah mereka tamat mengikuti pengajian di kolej vokasional berdasarkan kurikulum yang digubal. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan telah menggubal Kurikulum Standard Kolej Vokasional dalam pelaksanaan pelan tindakan Transformasi Pendidikan Vokasional. Kurikulum tersebut dibangunkan untuk menghasilkan modal insan yang berkemahiran tinggi untuk pasaran pekerjaan dan industri dan bersedia meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi serta turut bersedia menjadi usahawan. Semua kolej vokasional diwajibkan menggunakan Kurikulum Standard Kolej Vokasional yang merupakan kurikulum baharu yang diguna pakai di kolej vokasional Kementerian Pendidikan seperti yang dinyatakan dalam Bab 5A Seksyen 33B Akta Pendidikan 1996 (Pindaan) 2014. Kurikulum ini

dirangka dengan mematuhi keperluan Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [Akta 679] dan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan di bawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652]. Hal ini adalah untuk memastikan sijil atau diploma yang dianugerahkan kepada pelajar di kolej vokasional adalah setaraf dengan sijil atau diploma yang dianugerahkan oleh pemberi pendidikan vokasional yang lain dan diiktiraf oleh industri selain menyediakan pelbagai laluan kerjaya kepada pelajar (Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2017).

Menurut Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (2013), berdasarkan pelan tindakan yang dirancang pada peringkat nasional, penawaran kursus di kolej vokasional adalah berdasarkan keperluan koridor utama ekonomi negara dan keperluan setempat. Justeru, penekanan kepada aspek keusahawanan dalam sistem latihan pendidikan vokasional di kolej vokasional juga telah diselarikan dengan keperluan koridor ekonomi utama negara dan keperluan setempat. Hal ini adalah untuk membolehkan industri dan usahawan setempat memberi sokongan terhadap pelaksanaan program pendidikan keusahawanan di kolej vokasional. Dalam kurikulum tersebut, pelajar-pelajar akan diperkenalkan dengan bidang-bidang perniagaan yang berkaitan dengan kemahiran yang dipelajari mereka. Manakala terdapat juga program yang dianjurkan di setiap kolej vokasional sebagai program inkubator membangunkan atribut keusahawanan pelajar. Misalnya, aktiviti *School Enterprise* telah digalakkan diperkenalkan dan diwujudkan di setiap kolej vokasional untuk berperanan sebagai penggalak kepada aktiviti luar bilik darjah pelajar dengan hasrat untuk memberi pengalaman kepada pelajar merasai sendiri pengalaman menjalankan aktiviti keusahawanan di kolej vokasional. Sebagai contoh, pelajar yang mengikuti kursus Teknologi Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara akan diperkenalkan dengan bidang-bidang perniagaan berkaitan Teknologi Penyejukbekuan dan Penyamanan

Udara dan kemudian mereka akan diberi pendedahan berkaitan cara dan peluang untuk menceburi bidang perniagaan membaiki penghawa dingin melalui kurikulum pendidikan keusahawanan yang diwajibkan kepada semua pelajar kolej vokasional.

Selain itu, pembangunan tingkah laku inovatif keusahawanan pelajar kolej vokasional juga turut digerakkan dengan pendedahan terhadap pengetahuan dan kemahiran dalam menghasilkan sesuatu produk atau menyediakan perkhidmatan yang berkaitan dengan bidang vokasional yang diikuti melalui pendekatan *Production-Based Education* (PBE). Hal ini secara tidak langsung memberi ruang kepada penghasilan penciptaan produk baharu serta penghasilan inovasi dan kreativiti pelajar yang turut menjadi sebahagian daripada elemen keusahawanan (Bahagian Pendidikan Teknik & Vokasional, 2013). Kurikulum Standard Kolej Vokasional peringkat diploma di kolej vokasional juga turut merangkumi pelaksanaan Projek Tahun Akhir (PTA) dan *On Job Training* (OJT) bagi memberikan pengalaman pekerjaan sebenar dalam bidang yang mereka ikuti. PTA dilaksanakan dalam semester ke-3 dan ke-4, manakala OJT dilaksanakan dalam semester ke-5 selama lima bulan dan merupakan syarat wajib lulus bagi memperoleh diploma.

Bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan kolej vokasional, kolaboratif dengan rakan strategik dalam industri terus dipergiatkan. Kurikulum Standard Kolej Vokasional juga ditambah nilai bagi tujuan memenuhi keperluan badan-badan profesional yang berkaitan. Berdasarkan strategi yang telah digariskan, semua kolej vokasional perlu merancang pelan tindakan pelaksanaan di kolej vokasional masing-masing untuk mencapai sasaran dasar yang ditetapkan (Bahagian Pendidikan Teknik & Vokasional, 2013). Usaha yang dilakukan ini adalah secara tidak langsung menyumbang kepada pencapaian hasrat yang dinyatakan oleh dokumen perancangan pembangunan ekonomi negara (seperti RMK-10) dalam memberikan sokongan untuk

menghasilkan usahawan permulaan (*startup*) dalam kalangan pelajar kolej vokasional dan menggiatkan lagi aktiviti keusahawanan di negara ini (Bahagian Pendidikan Teknik & Vokasional, 2013). Oleh itu, pengenalan elemen keusahawanan dalam Kurikulum Standard Kolej Vokasional sebenarnya adalah sebagai satu usaha untuk membangunkan atribut keusahawanan dalam diri setiap pelajar di kolej vokasional. Selain itu, pendidikan keusahawanan juga diperkenalkan meningkatkan kecenderungan pelajar terhadap keusahawanan dan seterusnya menceburkan diri dalam bidang perniagaan (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2017).

Pembangunan atribut keusahawanan pelajar di kolej vokasional dari aspek sikap, tingkah laku dan pemikiran keusahawanan seharusnya berupaya membentuk keinginan pelajar untuk menjadi usahawan setelah tamat latihan daripada kolej vokasional (Hassan et al., 2020). Hal ini adalah selari dengan pandangan Gartner (1990) bahawa, atribut keusahawanan inilah yang perlu dibangunkan dalam diri individu pelajar agar mereka cenderung untuk memilih usahawan sebagai kerjaya pilihan mereka. Melalui langkah ini, lebih ramai usahawan permulaan dapat dihasilkan oleh agensi pendidikan dan latihan yang seterusnya memberi sumbangan kepada pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara (Kementerian Pembangunan Usahawan, 2019).

Usaha membangunkan atribut keusahawanan dalam diri pelajar sebenarnya dipengaruhi oleh banyak faktor. Menurut Delmar et al., (2000), dan Hatten et al. (1995), banyak faktor yang diutarakan sebagai penyumbang kepada pembangunan tingkah laku keusahawanan dan antara faktor yang paling kerap dikaitkan adalah faktor peribadi individu berkenaan seperti umur, gender, latar belakang profesional, pengalaman kerja, dan aspek-aspek yang luas dari profil pendidikan dan psikologi

potensi menjadi usahawan. Namun demikian, terdapat juga sarjana yang berpandangan bahawa kejayaan membangunkan atribut usahawan bergantung kepada faktor diri sendiri (Newman et al., 2018), dan faktor latar belakang keluarga (Siti Farhah Fazira et al., 2016). Manakala, terdapat pengkaji yang menyenaraikan tiga faktor yang sering digunakan untuk mengukur kecenderungan keusahawanan ialah ciri peribadi, sifat tingkah laku (Robinson, 1988), dan faktor kontekstual (Naffziger et al., 1994). Terdapat juga kajian yang menunjukkan faktor utama yang menyebabkan individu memilih usahawan sebagai kerjaya adalah lelaki yang mempunyai keinginan dan keperluan, mempunyai kreativiti dan kapasiti pemimpin, mempunyai kecenderungan mengambil risiko, dan faktor latar belakang orang tua mereka yang telah bekerja sendiri (Lena & Wong, 2007).

Sejak akhir-akhir ini, terdapat sarjana yang berpandangan bahawa, ekosistem pendidikan yang kondusif terhadap aktiviti pembangunan atribut keusahawanan pelajar atau disebut sebagai ekosistem keusahawanan berupaya menggalakkan institusi pendidikan itu sendiri menghasilkan lebih ramai usahawan permulaan (Jansen et al., 2015). Menurut Stam et al. (2015), istilah ekosistem keusahawanan boleh didefinisikan sebagai satu set pergantungan antara pelaku dengan faktor-faktor yang terkoordinasi dalam satu keadaan yang berupaya menggerakkan aktiviti keusahawanan produktif dalam lingkungan sempadan yang tertentu. Bahrami dan Evans (1995) telah membangunkan satu konsep yang dikenali sebagai persekitaran keusahawanan atau dirujuk juga sebagai pengaruh ekonomi wilayah dan faktor-faktor sosial terhadap proses keusahawanan. Pengenalan kepada konsep tersebut adalah disebabkan oleh kekhilafan pengkaji terdahulu dalam melihat hubungan antara pelaku dan faktor persekitaran (sosial dan ekonomi) dalam membangunkan diri usahawan dan aktiviti keusahawanan (Stam et al., 2015). Dalam hal ini, pelaku adalah merujuk

kepada individu yang ingin dibangunkan sebagai usahawan, manakala faktor-faktor yang terkoordinasi adalah merujuk kepada faktor-faktor yang menyokong kepada pembangunan diri seorang usahawan dan proses keusahawanan mereka.

Brown et al. (2017) pula berpandangan bahawa, nilai keusahawanan seperti mengenal pasti peluang keusahawanan dalam kalangan pelajar boleh dibangunkan melalui pelaksanaan program dan aktiviti keusahawanan yang membentuk kecenderungan mereka terhadap kerjaya sebagai usahawan. Malahan persekitaran yang menyokong kepada pembentukan atribut dan kecenderungan menjadi usahawan juga turut difokuskan oleh pengkaji terdahulu sebagai aspek penting dalam mencapai hasrat tersebut (Terjesen et al., 2016). Justeru, institusi pendidikan perlu membentuk ekosistem keusahawanan yang kondusif dan dinamik yang menyokong kepada usaha membangunkan atribut usahawan dalam kalangan pelajar (Fatoki, 2014). Hal ini juga disokong oleh beberapa sarjana barat seperti Alvedalen et al. (2017) dan Business et al. (2019), yang bersetuju bahawa, persekitaran pembelajaran yang kondusif dan dinamik memberi kebebasan kepada kreativiti dan imaginasi pelajar. Tambahan pula, persekitaran pembelajaran yang kondusif dan dinamik berupaya membentuk kegagalan sebagai satu peluang yang positif ke arah pembentukan masyarakat yang lebih berkemahiran dan produktif (Turner et al., 2017). Manakala, dalam konteks keusahawanan yang lebih luas, ekosistem keusahawanan menggabungkan peranan pelbagai aktiviti sosial, politik, ekonomi, dan kebudayaan yang memberi sokongan untuk meningkatkan bilangan usahawan baharu dan mengembangkan usahawan sedia ada (Radinger-Peer et al., 2018). Dalam hal ini, ekosistem keusahawanan yang kondusif dan dinamik dijangka dapat membantu usahawan permulaan menangani isu ketidaktentuan, menghadapi risiko dalam perniagaan, memberi bantuan kewangan dan menghadapi cabaran dalam perniagaan.

Menurut Rice et al. (2014) dan Neck et al. (2011), persekitaran institusi pendidikan boleh dikonsepsikan sebagai ekosistem keusahawanan yang berpotensi menghasilkan usahawan apabila ekosistem tersebut berasaskan komuniti yang terdiri daripada komponen-komponen seperti rangkaian informal dan formal, institusi akademik dan agensi kerajaan, perkhidmatan profesional dan kumpulan sokongan, sumber modal, kumpulan bakat dan infrastruktur fizikal. Apabila diterapkan dalam konteks pendidikan, komponen utama ekosistem turut meliputi kursus dan program pendidikan keusahawanan, penglibatan usahawan alumni, pelajar inkubator, perkhidmatan pembangunan prototaip, pembiayaan peruntukan kepada institusi yang membangunkan ekosistem keusahawanan, perkhidmatan pemindahan teknologi, dan memperbanyak penyelidikan ilmiah (Rideout et al., 2013) di institusi pendidikan. Walau bagaimanapun, ekosistem tersebut amat bergantung antara satu dengan lain untuk membolehkan ekosistem tersebut berfungsi dengan berkesan. Selain itu, aktiviti dalam ekosistem memerlukan koordinasi dan komunikasi terbuka antara agen pelaksana, dengan berkongsi hasrat, nilai dan tujuan bersama (Rice et al., 2014).

Dalam pelaksanaan pelan Transformasi Pendidikan Vokasional di kolej vokasional, ekosistem keusahawanan yang kondusif perlu dibangunkan dalam institusi pendidikan tersebut. Hal ini kerana menurut Isenberg (2010), Stam et al. (2015), ekosistem keusahawanan menjadi faktor terpenting untuk menghasilkan usahawan permulaan dalam kalangan pelajar di universiti. Selain itu, ekosistem keusahawanan di kolej vokasional seharusnya disokong oleh aktiviti keusahawanan setempat seperti yang telah wujud dalam institusi pendidikan tinggi di luar negara. Sebagai contoh, pembangunan ekosistem keusahawanan di beberapa kolej perniagaan di negara Eropah seperti Kolej Havard dan Boston di Boston, Bocconi di Milan, dan Universiti George Washington di Washington telah meningkatkan pencapaian keusahawanan di kolej

tersebut yang secara tidak langsung menyemarakkan aktiviti keusahawanan setempat dan serantau (Belitski et al., 2017). Menurut Belitski et al. (2017), perkara tersebut telah meningkatkan usaha pihak berkepentingan seperti pembuat polisi, usahawan, saintis, pensyarah dan industri setempat dan serantau untuk membangunkan ekosistem keusahawanan di institusi pendidikan di luar negara. Malahan kewujudan ekosistem keusahawanan di institusi pendidikan tersebut turut memberi ruang kepada industri setempat dan usahawan setempat bekerjasama dengan institusi membangunkan ekosistem keusahawanan dan seterusnya menyemarakkan aktiviti keusahawanan di institusi pendidikan tersebut (Belitski et al., 2017). Hal ini dikuatkan lagi dengan pandangan Gladwell (2008) yang mengatakan bahawa, kejayaan seorang usahawan tidak hanya bergantung kepada faktor dalaman diri sendiri, tetapi amat bergantung kepada ekosistem yang wujud di persekitaran usahawan tersebut. Gladwell (2008) menjelaskan kepentingan ekosistem keusahawanan dengan membuat perumpamaan seperti berikut:

Pokok Oak menjadi lebih tinggi daripada pokok yang lain bukan hanya disebabkan oleh Acorn yang kuat, malah ketinggiannya turut disebabkan oleh ketiadaan pokok lain yang menghalangnya untuk mendapatkan cahaya matahari, tanah di sekelilingnya subur, tiada arnab yang memakan akarnya, dan tiada orang yang menebangnya semasa ia masih kecil.

(Gladwell, 2008, Halaman 19-20)

Walau bagaimanapun, proses membangunkan atribut keusahawanan dalam diri pelajar merupakan satu proses berterusan yang memerlukan ekosistem keusahawanan yang menyokong kepada pembangunan atribut tersebut (Isenberg, 2014). Isenberg (2014) turut menyatakan bahawa, pembangunan ekosistem keusahawanan yang kondusif dalam institusi pendidikan memerlukan kuasa pembuat dasar untuk

membangunkan dasar yang komprehensif yang menyokong kepada pembangunan ekosistem keusahawanan tersebut. Oleh itu, Kementerian Pendidikan perlu memberi tumpuan kepada usaha memantapkan aktiviti keusahawanan dalam negara melalui pelaksanaan dasar pendidikan keusahawanan yang lebih dinamik dan fleksibel yang bermula dengan memperkenalkan dan memantapkan ekosistem keusahawanan pada peringkat pendidikan menengah khususnya di kolej vokasional.

1.3 Pernyataan Masalah

Pembangunan atribut keusahawanan pelajar amat bergantung kepada faktor-faktor yang wujud dalam ekosistem pendidikan itu sendiri seperti perkongsian nilai dan norma bersama, semangat persekitaran pendidikan, kepimpinan dan polisi universiti, dan infrastruktur dalaman universiti termasuklah kurikulum dan pengaturcaraan kurikulum (Rideout et al., 2013). Malah, kewujudan ekosistem keusahawanan dalam sebuah institusi pendidikan telah menyemarakkan aktiviti keusahawanan pelajar dan menghasilkan lebih ramai pelajar yang menjadi usahawan (Isenberg, 2010, 2011). Persekitaran keusahawanan yang dirujuk sebagai ekosistem keusahawanan dalam sesebuah institusi pendidikan berupaya menyokong kepada pembangunan atribut keusahawanan pelajar (Brien et al., 2019; Ferrandiz et al., 2018; Morris et al., 2016). Yang paling penting, kejayaan keusahawanan amat bergantung kepada penerimaan institusi pendidikan tersebut terhadap keusahawanan sebagai perkara utama semasa melaksanakan aktiviti pendidikan (Matlay et al., 2007). Malahan, hubungan antara agen pelaku dalam ekosistem keusahawanan di institusi pendidikan tersebut turut menjadi faktor utama dalam kejayaan keusahawanan di universiti (Stam, 2014).

Sehingga kini, takrifan dan konsep ekosistem keusahawanan masih tidak jelas dalam kalangan pemimpin di institusi pendidikan termasuklah institusi pendidikan latihan kemahiran (Tsujimoto et al., 2018). Menurut Tsujimoto et al. (2018), ramai dalam kalangan pemimpin institusi pendidikan keliru tentang kepentingan membangunkan ekosistem keusahawanan di institusi masing-masing. Kebanyakan pemimpin institusi pendidikan juga keliru sama ada perlu memberi tumpuan kepada peranan institusi sebagai pusat latihan kemahiran atau pun sebagai institusi yang melatih keusahawanan (Sun, 2017). Stam et al. (2015), menjelaskan bahawa, kekeliruan tersebut telah menyebabkan kebanyakan pemimpin di institusi pendidikan hanya memberi tumpuan kepada hal-hal kecemerlangan akademik, berbanding hal-hal membangunkan keusahawanan di universiti. Proses pembangunan ekosistem keusahawanan di institusi pendidikan merupakan proses yang sangat kompleks kerana melibatkan banyak peringkat dan rangkaian kerjasama antara pelbagai pihak (Mack et al., 2016). Menurut Mack et al. (2016), proses tersebut memerlukan penyelarasan tindakan oleh pihak universiti untuk memastikan ekosistem pendidikan tersebut benar-benar menggalakkan pembangunan keusahawanan pelajar. Sumber yang terhad juga menjadi cabaran kepada institusi pendidikan di negara membangun untuk membangunkan ekosistem amalan terbaik pembangunan atribut keusahawanan pelajar meskipun negara-negara tersebut amat menyedari tentang kepentingan membangunkan ekosistem keusahawanan di institusi pendidikan (Auerswald, 2015). Oleh demikian, tumpuan terhadap pembangunan ekosistem keusahawanan yang kondusif hanya diberi kepada institusi pendidikan tinggi seperti universiti yang dianggap lebih signifikan kepada pertumbuhan ekonomi negara (Fleacă et al., 2018).

Selain itu, kajian yang dijalankan untuk menilai keberkesanan pendekatan pendidikan keusahawanan tradisional dalam sistem pendidikan sedia ada

menunjukkan bahawa, terdapat banyak kelemahan dalam pelaksanaan pendidikan keusahawanan tradisional dan tidak berkesan dalam membangunkan atribut keusahawanan pelajar (Duval-Couetil, 2013). Dalam hal ini, Duval-Couetil (2013), turut menyatakan bahawa, kebanyakan institusi pendidikan tinggi seperti universiti telah mula beralih arah kepada pendekatan baharu, iaitu dengan mempertimbangkan aspek pembangunan ekosistem keusahawanan di institusi pendidikan tersebut. Namun, Isenberg (2014, 2010), menjelaskan bahawa, pembangunan ekosistem keusahawanan di institusi pendidikan sangat mencabar dan memerlukan perancangan dan penetapan dasar yang mantap oleh pihak pembuat polisi. Beliau turut menyatakan kegagalan membangunkan polisi yang mantap menyebabkan ekosistem pendidikan tersebut tidak berfungsi dengan baik dalam menggalakkan pembangunan atribut keusahawanan pelajar serta membantutkan pertumbuhan jumlah usahawan permulaan.

Dapatan kajian lalu turut menunjukkan bahawa, terdapat banyak institusi pendidikan hanya memperkenalkan dan memperluas kurikulum dan kokurikulum berkaitan pendidikan keusahawanan (Maritz et al., 2019; Solomon et al., 2008). Hal ini mengurangkan tumpuan kepada pembangunan ekosistem keusahawanan yang kondusif di sesebuah institusi pendidikan khususnya pembangunan infrastruktur dan prasarana keusahawanan dan kekurangan dana kewangan untuk menyokong kepada usaha membangunkan atribut keusahawanan pelajar (Bischoff et al., 2018). Tambahan pula, tumpuan terhadap pembangunan ekosistem keusahawanan hanyalah berlaku di institusi pendidikan tinggi khususnya universiti (Matt et al., 2018). Tidak banyak tumpuan diberikan kepada institusi pendidikan dan latihan kemahiran seperti di kolej vokasional yang turut memerlukan ekosistem keusahawanan yang kondusif bagi membangunkan atribut keusahawanan pelajar. Hal ini menyebabkan pencapaian institusi pendidikan dan latihan vokasional di Barat seperti kajian yang dijalankan oleh

Matt et al. (2018), menunjukkan bahawa, bilangan graduan pendidikan vokasional yang memulakan kerjaya keusahawanan tidak menunjukkan pertumbuhan yang sepadan. Peratusan pelajar yang menjadi usahawan setelah tamat latihan pendidikan vokasional juga adalah rendah disebabkan oleh kekurangan sumber kewangan institusi, kekurangan tenaga pengajar yang berkemahiran dan pengetahuan dalam bidang perniagaan dan keusahawanan, kekurangan prasarana dan infrastruktur keusahawanan, struktur sokongan yang lemah, bimbingan dan pautan ke rangkaian profesional yang lemah (Morris et al., 2016).

Dalam konteks pencapaian keusahawanan di Malaysia pula, laporan *Global Entrepreneurship Monitor* pada tahun 2011 telah menunjukkan bahawa, bilangan graduan yang memilih bidang keusahawanan sebagai kerjaya di Malaysia masih berada dalam kalangan negara-negara yang mempunyai skor rendah, iaitu 51.5 peratus berbanding negara-negara yang mempunyai skor kerjaya keusahawanan tinggi dan sederhana seperti Colombia (89.4%), Brazil (86.3%), China (73.1%) dan Thailand (77.0%). Jika dilihat dalam konteks bilangan graduan kolej vokasional yang terlibat dengan keusahawanan setelah tamat latihan, Laporan Kajian Pengesanan Graduan pada tahun 2018 pula menunjukkan bahawa, hanya 7.7 peratus graduan kolej vokasional yang bekerja sendiri dan memilih untuk menjadi usahawan sebaik sahaja tamat latihan (Bahagian Perancangan & Penyelarasan, 2019). Meskipun pada dasarnya, peratusan tersebut menjadi indikator yang baik kepada pencapaian sasaran penghasilan sepuluh (10) peratus pelajar kolej vokasional menjadi usahawan dan bekerja sendiri dalam pelan tindakan Transformasi Pendidikan Vokasional (Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2017). Namun, pencapaian tersebut masih belum mencapai hasrat sebenar Transformasi Pendidikan Vokasional, iaitu menghasilkan 10 peratus pelajar kolej vokasional yang menceburi keusahawanan

setelah tamat pengajian. Tambahan pula, antara faktor pelajar tidak memilih kerjaya keusahawanan adalah kerana mereka berasa tidak yakin untuk menceburi keusahawanan disebabkan oleh kekurangan latihan keusahawanan dan persekitaran yang tidak menyokong kepada aktiviti keusahawanan pelajar dalam sesebuah institusi pendidikan (Anosike, 2019). Oleh demikian, timbul persoalan tentang apakah elemen ekosistem keusahawanan wujud di kolej vokasional? Bagaimanakah persekitaran pembelajaran di kolej vokasional berupaya membangunkan atribut keusahawanan pelajar? Apakah strategi yang digunakan oleh kolej vokasional yang dikaji? Berdasarkan tinjauan literatur, konsep ekosistem keusahawanan masih baharu dan kurang diterokai di institusi pendidikan berbentuk latihan pada peringkat menengah seperti kolej vokasional di Malaysia.

Setakat ini, kajian-kajian berkaitan keusahawanan dalam pendidikan vokasional di Malaysia hanya tertumpu kepada kecenderungan keusahawanan pelajar seperti kajian yang dijalankan oleh Wan Mohd Zaifurin et al. (2016), Amier Hafizun et al. (2018), Nurul Izzati Khalid (2013). Manakala, terdapat juga pengkaji yang mengkaji kesediaan guru melaksanakan Program *School Enterprise* di Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional seperti yang dijalankan oleh Nurul Izzati et al. (2012). Kajian-kajian lain yang dijalankan berkaitan keusahawanan dalam kalangan pelajar memberi tumpuan kepada program keusahawanan yang dijalankan oleh pelajar seperti kajian yang dijalankan oleh Ura Pin@Chum et al. (2012) dan potensi keusahawanan oleh Azmi et al. (2012). Dalam hal ini, sangat kurang pengkaji di Malaysia yang memberikan tumpuan kepada ekosistem yang menyokong pelaksanaan pembangunan dan penerapan elemen keusahawanan dalam diri pelajar. Manakala, kebanyakan kajian ekosistem keusahawanan yang dijalankan di luar negara memberi tumpuan kepada ekosistem keusahawanan di universiti seperti kajian yang dijalankan

oleh Lahikainen et al. (2018) dan Shwetzter et al. (2019) dan sedikit perhatian kepada ekosistem keusahawanan dalam pelaksanaan sistem pendidikan vokasional di kolej vokasional.

Berdasarkan persoalan-persoalan yang timbul dapat dilihat wujudnya kepentingan dalam mengkaji tentang ekosistem keusahawanan yang wujud di kolej vokasional yang berjaya dalam aspek keusahawanan di institusi masing-masing. Justeru kajian ini bertujuan meneroka elemen ekosistem keusahawanan yang wujud di kolej vokasional dalam membangunkan atribut keusahawanan pelajar di institusi berkenaan. Penerokaan elemen ekosistem keusahawanan tersebut dilihat melalui pelaksanaan strategi keusahawanan, faktor yang menyokong kejayaan strategi dan cabaran yang dihadapi oleh kolej vokasional yang dikaji. Perkara ini penting untuk diterokai dalam memberi gambaran pelaksanaan dasar Transformasi Pendidikan Vokasional di kolej vokasional kepada pihak Kementerian Pendidikan khususnya Bahagian Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional. Dapatan kajian ini diharap dapat memberi panduan kepada pembuat polisi untuk menambah baik pelaksanaan sedia ada, memandangkan pewujudan ekosistem yang kondusif dalam membangunkan atribut keusahawanan pelajar amat penting dalam menyokong pencapaian sasaran keusahawanan yang telah ditetapkan. Hal ini menjadikan kajian berkaitan ekosistem pembangunan atribut keusahawanan pelajar di kolej vokasional penting untuk diterokai kerana amat seiring dengan hasrat yang mahu dicapai oleh negara untuk menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi dan sebagai sebuah negara keusahawanan pada tahun 2030 (Kementerian Pembangunan Usahawan, 2019; Unit Perancang Ekonomi et al., 2016).

1.4 Objektif Kajian

Secara khususnya kajian ini adalah berusaha untuk memenuhi objektif kajian berikut:

1. menjelaskan atribut keusahawanan yang dihasratkan untuk dibangunkan dalam diri pelajar di kolej vokasional yang dikaji;
2. menjelaskan atribut keusahawanan yang telah dibangunkan dalam diri pelajar di kolej vokasional yang dikaji;
3. menghuraikan strategi yang digunakan oleh kolej vokasional yang dikaji membangunkan atribut keusahawanan pelajar;
4. menjelaskan faktor-faktor yang menyokong kejayaan pelaksanaan strategi kolej vokasional yang dikaji membangunkan atribut keusahawanan pelajar; dan
5. menjelaskan cabaran yang dihadapi oleh kolej vokasional yang dikaji untuk melaksanakan strategi membangunkan atribut keusahawanan pelajar.

1.5 Persoalan Kajian

Oleh demikian, kajian ini akan menjawab persoalan kajian berikut:

1. Apakah atribut keusahawanan yang dihasratkan untuk dibangunkan diri pelajar di kolej vokasional yang dikaji?
2. Apakah atribut keusahawanan yang telah dibangunkan dalam kalangan pelajar di kolej vokasional yang dikaji?
3. Bagaimanakah strategi pelaksanaan kolej vokasional yang dikaji membangunkan atribut keusahawanan pelajar?

4. Apakah faktor-faktor yang menyokong kepada kejayaan pelaksanaan strategi kolej vokasional yang dikaji membangunkan atribut keusahawanan pelajar?
5. Apakah cabaran yang dihadapi oleh kolej vokasional yang dikaji untuk melaksanakan strategi membangunkan atribut keusahawanan pelajar?

1.6 Kepentingan kajian

Kajian ini penting kepada pembuat polisi pendidikan untuk merancang strategi pembangunan keusahawanan pelajar yang lebih komprehensif di kolej vokasional KPM. Siasatan yang dijalankan terhadap kewujudan elemen-elemen ekosistem keusahawanan di kolej vokasional akan memberi maklumat awal kepada pembuat polisi dalam menentukan aspek penting yang perlu diberi perhatian dalam pembangunan dasar pendidikan keusahawanan yang lebih berkesan. Justeru, penumpuan kajian terhadap beberapa perkara penting yang berkaitan dengan ekosistem keusahawanan seperti strategi pelaksanaan, faktor yang menyokong kejayaan pelaksanaan strategi dan cabaran yang dihadapi oleh kolej vokasional yang dikaji adalah sangat perlu dalam membangunkan satu kerangka ekosistem yang kondusif untuk menghasilkan pelajar yang mempunyai atribut keusahawanan yang akhirnya, mereka memilih keusahawanan sebagai kerjaya pilihan.

Kajian ini juga penting untuk membantu pihak kepimpinan kolej vokasional untuk merancang persekitaran kolej vokasional yang mesra keusahawanan. Pihak kepimpinan dan pentadbiran kolej juga boleh menggunakan dapatan kajian ini untuk merancang strategi keusahawanan yang lebih berkesan hasil daripada siasatan yang dijalankan. Hal ini penting untuk mengubah peranan kolej vokasional daripada

menghasilkan pelajar berkemahiran kepada kolej vokasional keusahawanan seperti yang diamalkan oleh universiti di luar negara sebagai universiti keusahawanan.

Selain itu, kajian ini penting kepada pensyarah di kolej vokasional untuk merancang aktiviti latihan keusahawanan pelajar yang lebih berkualiti dengan memberi keutamaan kepada penglibatan yang lebih menyeluruh daripada pihak luar yang berkepentingan, selain daripada pelaksanaan kurikulum yang telah dibangunkan di kolej vokasional.

Selain itu, gabungan teori dalam pelbagai disiplin ilmu yang dirangkakan dalam kerangka konsep kajian seperti teori dan model keusahawanan, teori pendidikan dan teori psikologi berupaya memperluas teori pendidikan keusahawanan, khususnya dalam meningkatkan keberkesanan pelaksanaan pendidikan keusahawanan di kolej vokasional. Hal ini dijangkakan dapat memberikan kefahaman yang mendalam kepada penyelidik terhadap usaha yang dijalankan oleh kolej vokasional untuk mencapai hasrat keusahawanan yang diharapkan daripada sistem pendidikan latihan vokasional di kolej vokasional KPM.

1.7 Batasan kajian

Kajian ini mempunyai batasan untuk mengeneralisasikan populasi kajian. Hal ini adalah kerana hanya tiga buah ekosistem kolej vokasional yang telah dipilih sebagai subjek kajian. Meskipun pada masa ini, terdapat 89 buah kolej vokasional yang sedang beroperasi di seluruh negara. Tambahan pula, setiap kolej vokasional mempunyai persekitaran pendidikan yang tersendiri, dan berbeza antara satu dengan lain. Jumlah subjek kajian bagi kajian ini juga adalah kecil. Seramai tiga orang timbalan pengarah di kolej vokasional yang dikaji, 15 orang pensyarah dan 15 orang pelajar telah dilibatkan dalam kajian ini sebagai informan kajian dalam sesi temu bual separa

berstruktur dan kumpulan berfokus dijalankan. Oleh demikian, dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kerana tidak mewakili keseluruhan populasi kajian. Pemilihan kolej vokasional adalah berdasarkan maklumat dan khidmat nasihat daripada Bahagian Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional yang mengurus pelaksanaan operasi kolej vokasional di seluruh Malaysia.

Namun, pemilihan informan kajian yang bersesuaian telah dilakukan oleh penyelidik bagi mengumpul sebanyak yang boleh data kajian. Penggunaan pelbagai kaedah pengumpulan data seperti temu bual separa berstruktur, kumpulan berfokus, kaedah pemerhatian, kaedah analisis dokumen dan catatan nota lapangan adalah bersesuaian dengan reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini, iaitu kajian kualitatif kajian kes pelbagai. Hal ini adalah untuk mengumpul sebanyak yang boleh data kajian yang lebih terperinci dan mendalam yang bersesuaian dengan metodologi kajian kualitatif kajian kes pelbagai yang ingin memahami dengan lebih mendalam dari sudut pengalaman informan kajian semasa berada dalam ekosistem pendidikan di kolej vokasional yang dikaji.

Selain itu, atribut keusahawanan yang dikaji hanya kepada pelajar-pelajar tahun akhir yang masih berada dalam ekosistem kolej vokasional kajian dan tidak melibatkan bekas-bekas pelajar yang telah bergraduat. Hal ini adalah untuk mendapatkan pengalaman sebenar pelajar tentang pemerolehan atribut keusahawanan melalui aktiviti pembelajaran sama ada formal atau tidak formal yang dialami, dan mengaitkan pengetahuan dan kemahiran keusahawanan tersebut dengan niat untuk menjadi usahawan pada masa akan datang.

1.8 Definisi Operasional

Beberapa definisi operasional yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

Atribut Keusahawanan

Atribut keusahawanan boleh didefinisikan sebagai ciri-ciri usahawan meliputi sikap dan tingkah laku usahawan (Robinson et al., 1991). Dalam konteks kajian ini, atribut keusahawanan merujuk kepada ciri-ciri usahawan yang ingin dibangunkan dalam diri pelajar di kolej vokasional yang dikaji dari segi sikap, tingkah laku, dan pemikiran keusahawanan untuk membentuk niat keusahawanan pelajar. Niat keusahawanan pula didefinisikan sebagai keinginan untuk menceburi keusahawanan selepas tamat mengikuti latihan di kolej vokasional.

Ekosistem Keusahawanan

Ekosistem keusahawanan terdiri daripada satu set agen pelaksana keusahawanan sama ada terdiri daripada pemimpin, dasar, individu usahawan, syarikat mahupun industri yang saling berhubungan antara satu dengan yang lain dalam menghasilkan aktiviti keusahawanan yang produktif (Stam et al., 2021). Dalam konteks kajian ini, ekosistem keusahawanan yang dikaji adalah merangkumi tiga perkara utama yang saling berhubungan antara satu dengan lain, iaitu input, proses dan output dalam membangunkan atribut keusahawanan pelajar di kolej vokasional yang dikaji. Input pula merujuk kepada pemain-pemain utama yang menggerakkan aktiviti keusahawanan di ketiga-tiga kolej vokasional yang dikaji seperti pengarah kolej vokasional, pensyarah, pelajar, alumni dan usahawan. Proses pula merujuk kepada strategi pelaksanaan kolej vokasional dalam membangunkan atribut keusahawanan pelajar. Output pula merujuk kepada hasilan atribut keusahawanan pelajar yang berjaya dibangunkan oleh ketiga-tiga kolej vokasional yang dikaji.

Kolej Vokasional

Kolej vokasional merupakan sekolah menengah vokasional yang telah dinaik taraf kepada kolej vokasional yang menawarkan program Diploma Vokasional Malaysia pada tahun 2012 dalam pelaksanaan dasar Transformasi Pendidikan Vokasional (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1996). Dalam kajian ini, kolej vokasional yang dikaji adalah terdiri daripada tiga buah kolej vokasional yang menawarkan latihan pendidikan vokasional pada peringkat diploma dalam pelbagai bidang kursus. Ketiga-tiga kolej vokasional yang dikaji diurus oleh Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknik Vokasional di bawah Kementerian Pendidikan. Ketiga-tiga buah kolej vokasional ini juga mempunyai ekosistem keusahawanan yang tersendiri dan berbeza antara satu dengan yang lain.

1.9 Kesimpulan

Kesimpulan, terdapat banyak kajian yang telah dijalankan melihat keberkesanan pelaksanaan program pendidikan keusahawanan di kolej vokasional. Namun, tidak banyak kajian yang meneroka ekosistem keusahawanan sedia ada di kolej vokasional dalam membangunkan atribut keusahawanan pelajar. Kebanyakan kajian yang dilaksanakan menggunakan kaedah kajian kuantitatif, namun, kajian ini akan menggunakan kaedah kualitatif yang bertujuan untuk meneroka untuk mendapatkan data yang lebih mendalam tentang pelaksanaan dasar transformasi pendidikan vokasional dalam usaha untuk mencapai 10 peratus murid kolej vokasional menjadi usahawan. Kajian ini turut mencadangkan faktor yang menyokong kejayaan melaksanakan strategi yang dilaksanakan di kolej vokasional untuk melahirkan lebih ramai usahawan permulaan daripada kolej vokasional. Secara keseluruhannya, bab ini akan menerangkan secara terperinci berkaitan pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, kerangka konsep kajian,

kepentingan kajian dan batasan kajian. Oleh itu, selepas bab ini, huraian tentang kajian literatur akan dijelaskan dalam Bab 2.